



Kembara Sutera

2013.04

CRI
中国国际广播电台
CHINA RADIO INTERNATIONAL

Gunung Huangshan

EMPAT DESTINASI MUSIM BUNGA YANG MENIKAM KALBU

Bertemu Panda Gergasi Yang Tidak Pandai Berkungfu

Opera Huangmei yang Mengusik Jiwa

Luoyang: Susuri Sejarahnya, Nikmati Makanannya

Sungai Huangpu Ibunda yang Mempesona



WACANA DARI TEMBOK BESAR

Pembaca yang budiman

Sedar tak sedar kita sudah empat bulan berada dalam tahun 2013. Kembara Sutera juga sudah menemui saudara pembaca melalui sisipan majalah Libur ini buat kali keempat. Terus kan bersama-sama kami sidang editor Kembara Sutera untuk mendapat maklumat pelancongan Negara Tembok Besar ini.

Bermula bulan ini merupakan masa yang amat sesuai untuk melancong ke China. Cuaca yang nyaman, tidak sejuk dan tidak terlalu panas pasti membuatkan anda selesa menelusuri keindahan negara ini. Musim bunga menyambut kunjungan anda, khususnya penggemar bunga. Bagi peminat bunga empat musim, misalnya bunga tulip, kunjungi Taman Zhongshan berhampiran Lapangan Tian'anmen di pusat bandar raya Beijing. Anda pasti teruja dengan keindahan bunga tulip yang pelbagai warna, juga bunga-bunga lain yang boleh membuatkan penggemar bunga teruja.

Oh ya, keluaran kali ini masih membawa anda melawat tempat-tempat yang indah di China. Terlalu banyak yang boleh anda kunjungi, tapi kali ini kami akan memfokuskan Gunung Huangshan di provinsi Anhui, empat destinasi istimewa yang patut dikunjungi semasa musim bunga, atau menonton Opera Huangmei yang berbeza dengan Opera Peking.

Kepada pembaca beragama Islam yang bercadang untuk melawat Xi'an, kota yang terkenal dengan patung askar dan kuda tanah liat, jangan lupa melawat masjid tertua yang terdapat di kota ini. Tinggalan sejarah ini membuktikan agama Islam telah lama bertapak di China.

Kami juga sentiasa mengalu-alukan komen anda terhadap kandungan Kembara Sutera agar kami dapat memperbaiki mutu majalah ini. Jika saudara ada cadangan yang ingin dikongsikan dengan kami dan pembaca yang lain, jangan segan-segan menghubungi kami melalui emel mal@cri.com.cn atau tinggalkan cadangan anda di www.facebook.com/crimalay. 张雯雯

Awan

06



08



17



04

Gunung Huangshan

08

EMPAT DESTINASI MUSIM BUNGA
YANG MENIKAM KALBU

12

Bertemu Panda Gergasi Yang Tidak Pandai Berkungfu

16

Opera Huangmei yang Mengusik Jiwa

18

Luoyang: Susuri Sejarahnya, Nikmati Makanannya

20

Asal Usul Tauhu

21

Masjid Besar Xi'an

22

Sungai Huangpu Ibunda yang Mempesona

Penerbit:
Radio Antarabangsa China (CRI)Ketua Pengarang:
An XiaoyuTimbalan Ketua Pengarang:
Zhang WenwenKetua Editor:
Wang JinEditor:
Nelawati Ngadul
Zhang Wei Lin YingTempat Edaran:
MalaysiaTarikh Terbit:
Bulan pertama setiap suku tahunLaman Sesawang:
<http://malay.cri.cn>facebook:
www.facebook.com/crimalayE-mel:
mal@cri.com.cnSurat-menyurat:
Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.Telefon:
0086-10-68892073

Gunung Huangshan

“Gunung Huangshan bukan sahaja lautan puncak gunung, bahkan lautan awan”. Gunung yang terletak di provinsi Anhui, timur China ini dikenali sebagai gunung yang paling cantik dan mempesonakan. Sewaktu melancong ke gunung ini, anda bukan sahaja dapat menikmati keindahan puncak gunung dan batu yang beraneka bentuk, malah menikmati keindahan lautan awan yang berubah-ubah bentuknya sepanjang hari, yang begitu mengasyikkan.

oleh: **Wang Jin**



Gunung Huangshan yang terletak di selatan provinsi Anhui di bahagian tengah China ini terkenal dengan pokok pain yang istimewa. Menyaksikan matahari terbit di gunung ini merupakan sesuatu yang tidak boleh dilepaskan. Huangshan juga diisytiharkan warisan kebudayaan dan warisan alam dunia oleh UNESCO.

Huangshan destinasi pergunungan yang istimewa dengan sejumlah 72 buah puncak yang beraneka bentuk. Sehubungan dengan itu, terdapat kata pepatah yang menyebut "tiada gunung yang boleh dibandingkan dengan Huangshan."

Menyaksikan Matahari Terbit di Huangshan

Matahari terbit di Huangshan dianggap fenomena alam semula jadi yang tiada tandingan, kerana latar belakangnya puncak gunung dan pokok pain menjadikan pemandangannya yang istimewa. Pemandangan matahari terbit berlatarbelakangkan lautan awan atau awan kemerah-merahan biasa kita saksikan, namun, di Huangshan matahari terbit dengan iringan kedua-dua unsur tersebut, yang jarang dilihat. Bayangkanlah, matahari terbit di tengah lautan awan yang putih di bawah serta awan merah di atas, bukankah panorama ini mempesonakan!

Terdapat beberapa pentas yang dibina khusus untuk menyaksikan matahari terbit di gunung ini. Antaranya pentas di Puncak Singa dan Puncak Shixin dianggap tempat yang paling baik, kerana kedua-dua pentas ini berdepan dengan Puncak 18 Arhat dan Puncak Dewa Bermain Catur. Gunung yang tinggi rendah serta beraneka bentuk mudah dilihat di kedua-dua tempat tersebut. Pada waktu subuh selepas hujan, ramai pelancong berkumpul di sekitar Puncak Singa dan Puncak Shixin, menunggu matahari terbit.

Jika ingin menyaksikan matahari terbit di Huangshan, tempat-tempat ini

antara yang paling bagus.

Puncak Cahaya: Oleh sebab puncak-puncak gunung di sekitar puncak ini lebih rendah, maka penglihatan di sini tidak terhalang dan amat luas.

Puncak Aoyu (ikan): Matahari terbit dengan latar belakang Puncak Teratai di sebelah timur laut dan pokok pain serta batu aneh di Puncak Cahaya di sebelah tenggara.

Puncak Singa: Batu Monyet Memandang Laut di hadapan anda, Puncak 18 Arhat dan Puncak Shixin di kiri-kanan. Ketika menunggu matahari terbit di sini, nikmatilah keindahan puncak gunung yang juga tidak kurang menyeronokkan.

Semasa menyaksikan matahari terbit di Huangshan, sebenarnya awan berwarna merah jambu sebelum matahari muncul lebih mengagumkan berbanding matahari yang terbit. Penulis mencadangkan anda meninjau perubahan warna awan merah, dari merah kehitaman bertukar menjadi merah senduduk hinggalah menjadi merah jambu. Pada waktu subuh lepas hujan, awan merah yang berwarna merah senduduk muncul 20 minit sebelum matahari terbit. Inilah dianggap panorama yang paling cantik.

Tip Pelancongan

Waktu saksikan matahari terbit yang paling baik:
Carilah maklumat tentang waktu matahari terbit, bangun satu jam lebih awal dan datang ke pentas menyaksikan matahari terbit 30 hingga 40 minit lebih awal.
Tempat saksikan matahari terbit yang paling baik:
Puncak Cahaya, Puncak Aoyu, Puncak Singa, Puncak Shixin, Puncak Yuping, Puncak Danxia, Puncak Teratai dan Puncak Tiandu.





Menyaksikan Salji di Huangshan



Gunung Huangshan pada musim sejuk menjadi tarikan kepada jurugambar di negara ini. Seluruh gunung yang diseliputi salji putih, bertukar menjadi dunia salji dan ais, malah pokok-pokok dan batu-batu pun umpama dipakaikan “baju” putih yang tebal.

Yang menarik, anda boleh melihat pokok salji atau ais walaupun belum turun salji. Gejala ini terbentuk kerana air dalam udara yang beku pada batang pokok.

Kalau anda melancong ke Huangshan pada hujung musim sejuk dan awal musim bunga, anda dapat melihat bunga plum berkembang mekar. Bunga yang kecil dan berwarna merah ini kelihatan lagi cantik dalam dunia salji.

Tip Pelancongan

Masa saksikan salji yang paling baik:

Bulan November hingga Februari merupakan musim yang paling baik. Waktu salji turun dan waktu lepas salji turun, merupakan masa yang paling sesuai.

Tip istimewa:

Anda perlu memakai baju tebal yang kalis air pada musim sejuk. Ketika menyaksikan pemandangan salji yang cantik, berhati-hatilah waktu berjalan supaya tidak terjatuh.

Menyaksikan Lautan Awan di Huangshan

Lautan awan di Huangshan, kadang-kadang kelihatan seperti laut yang terbentang luas, kadang-kadang kelihatan seperti sungai yang mengalir deras, kadang-kadang kelihatan seperti tasik yang tenang. Tak kira besar atau kecil, menyaksikan lautan awan di Huangshan, patut dimasukkan dalam agenda lawatan anda di sini.

Lautan awan di Huangshan terbentuk kerana keadaan cuaca setempat yang istimewa. Kepantasannya juga berbeza. Pada waktu pesat, lautan awan itu seperti air laut yang berombak besar; waktu perlahan, ia seperti air sungai yang mengalir tenang. Ada kalanya lautan awan tidak berubah tiga hingga empat hari, ada kalanya ia hilang dalam masa beberapa jam sahaja.

Lautan awan di Huangshan terkenal di seluruh dunia, kerana adanya puncak batu dan pokok-paku yang istimewa

dan mengagumkan. Pelancong boleh memilih tempat tinggi atau rendah untuk menyaksikan panorama ini seiring dengan lautan awan yang sering berubah.

Apabila berdiri di tepi lautan awan, ini pasti akan membuatkan anda berasa seolah-olah berada di dunia khayalan.

Kalau bernasib baik, anda akan melihat “awan terjun”. Gejala ini boleh dilihat di antara Puncak Teratai dan Puncak Cahaya, Puncak Tiandu dengan Puncak Teratai, dan lain-lain.



Tip Pelancongan

Tempat saksikan lautan awan yang paling baik:

Lautan awan di tempat 1800 meter dari paras laut ke atas yang paling mempesonakan. Oleh itu, tiga puncak gunung yang paling tinggi, iaitu Puncak Teratai, Puncak Cahaya dan Puncak Tiandu, dianggap tempat yang paling baik untuk melihat panorama alam semula jadi ini.

Cara saksikan lautan awan yang paling baik:

Untuk melihat lautan awan yang berubah-ubah, anda dicadangkan berjalan-jalan sambil menyaksikan lautan awan.

Apabila tempat anda diselubungi kabus yang tebal, janganlah merungut “tak boleh melihat apa-apa saja”. Biasanya cuaca yang buruk ini diekori panorama yang bagus. Cuacanya lebih buruk, panorama kemudian lebih cantik.

Menyaksikan Pokok Pain di Huangshan

Salah satu ciri Huangshan ialah pokok pain yang banyak dan istimewa. Yang paling menakjubkan ialah setiap daun pokok pain tersebut tumbuh ke atas.

Pokok pain tumbuh di kawasan setinggi lebih 800 meter dari paras laut di Huangshan. Semua daun pokok itu tumbuh menghala ke atas dan ini memudahkan daun itu menyerap air dan khasiat daripada udara. Pokok itu boleh tumbuh dengan baik dalam cuaca yang buruk. Akar pokok pain dapat mengeluarkan sejenis asid organik yang dapat menguraikan batu granit dan menghasilkan sejenis baja organik. Baja organik itu boleh memangkinkan pertumbuhan pokok pain. Oleh yang demikian, pokok pain dapat hidup dengan baik dalam persekitaran yang buruk ini.

Tempat yang paling baik untuk menyaksikan pokok pain di Huangshan ialah Yupinglou. Terdapat tiga jenis pokok pain iaitu "pokok menyambut tetamu", "pokok mengiring tetamu" dan "pokok yang mengucapkan selamat jalan kepada tetamu" yang tumbuh pada cerun di hadapan Yupinglou. "Pokok menyambut tetamu" yang berusia sekurang-kurangnya 800 tahun itu tumbuh di sebelah kiri Yupinglou. Batang pokok itu menganjur ke luar seperti seorang tuan rumah sedang menyambut tetamunya. Kini "pokok menyambut tetamu" telah menjadi lambang pokok pain di Huangshan bahkan menjadi lambang gunung ini. "Pokok mengiring tetamu" yang terdapat di tempat hadapan Yupinglou seakan-akan gergasi hijau yang berdiri di tempat itu yang mengiringi para tetamu untuk melancong ke Huangshan. Selain itu, "pokok yang mengucapkan selamat jalan kepada tetamu" seolah-olah melambai-lambaikan tangannya untuk mengucapkan selamat jalan kepada para pelancong.

Pokok pain Huangshan merupakan sejenis pokok yang hanya terdapat di gunung ini. Sebanyak 54 batang pokok pain Huangshan yang berusia dan unik itu telah disenaraikan dalam senarai warisan alam bersama-sama dengan Gunung Huangshan. ❷

Tip Pelancongan

Tempat saksikan pokok pain yang paling baik: Di Yupinglou, anda boleh menyaksikan "pokok menyambut tetamu", "pokok mengiring tetamu" dan "pokok yang mengucapkan selamat jalan kepada tetamu".



oleh: **Zhou Qiaoxi**

EMPAT DESTINASI MUSIM BUNGA YANG MENIKAM KALBU

Awal musim bunga merupakan masa yang terbaik untuk menikmati keindahan bunga di negara China. Pada musim inilah, kita dapat menikmati pemandangan bunga-bunga yang berwarna-warni dan indah permai. Bunga pic yang berwarna merah muda, bunga plum yang berbau wangi, bunga sesawi yang berwarna kuning dan bunga sakura yang berwarna merah muda berkembang mekar. Marilah kita menjadi penggemar bunga dan mengambil kesempatan untuk menikmati suasana yang penuh romantik pada musim ini.



Nikmati Haruman Bunga Pic di Taohuayuan, Provinsi Hunan

Taohuayuan (taman bunga pic) merupakan alam ajaib yang digambarkan dalam karya penyair terkenal pada zaman Dinasti Jin Timur, Tao Yuanming (365–427). Tempat ini sebenarnya terletak di kaunti Taoyuan, provinsi Hunan di kawasan tengah China. Bulan Mac dan bulan April adalah musim yang paling sesuai untuk menikmati pemandangan bunga-bunga di kaunti ini. Ketika bersiar-siar di kawasan pergunungan, hutan dan ladang-ladang, kita boleh terhidu haruman bunga pic, bunga sakura dan bunga sesawi yang berkembang di sini.

Pada bulan Mac, bunga-bunga pic yang berwarna merah, kemerah-merahan, putih dan merah muda berkembang mekar di Taohuayuan, kaunti Taoyuan. Festival bunga pic diadakan di sini pada 28 Mac setiap tahun. Ketika bersiar-siar di jalan kecil yang diturap dengan batu-batu buntar dalam kebun bunga pic, satu pemandangan yang indah daripada jambatan dan sungai terbentuk. Inilah

anak sungai bunga pic, dan jambatan kecil yang dipanggil qionglin. Pemandangan itu begitu indah seolah-olah kita berada di alam ajaib.



Di Taohuayuan, masakan ayam kampung, ikan, telepok Tasik Dongting dan tauhu yang segar merupakan juadah yang tidak boleh dilepaskan. Makanan istimewa tempatan yang lain termasuk Popla San Si, paha ayam goreng, sayur jeruk Taoyuan dan lain-lain.



Bunga Plum di Tanah Lembab Xixi, Provinsi Zhejiang

Tanah Lembab Xixi yang terletak tidak jauh dari bandar Hangzhou, dan kurang lima kilometer dari Tasik Barat mempunyai pemandangan yang begitu mempesonakan pada awal musim bunga. Tanah Lembab Xixi yang terletak di bahagian barat bandar Hangzhou itu merupakan kawasan tanah lembab sekunder dalam bandar yang jarang didapati di dunia.

Bandar Hangzhou mempunyai beberapa tempat peranginan untuk menikmati bunga plum (bunga mei), seperti Puncak Lingfeng, dan Bukit Chaoshan. Pada pertengahan zaman Dinasti Ming (1368-1644 Masihi), tanah lembab Xixi, Puncak Lingfeng dan Bukit Gushan dianggap tiga tempat peranginan yang paling baik untuk menikmati bunga plum di bandar Hangzhou. Pada zaman Dinasti Qing (1636-1912 Masihi), pemandangan bunga plum di Xixi telah menjadi salah satu pemandangan yang terkenal daripada 18 buah pemandangan di sekitar Tasik Barat. Berkayuh perahu sambil menikmati bunga plum di Xixi menjadi aktiviti yang paling menyeronokkan.

Kini, kita boleh menikmati pemandangan bunga-

bunga plum di Meishu (vila bunga plum) di Tanah Lembab Xixi. Di vila itu, pelbagai jenis bunga plum berkembang mekar di sekitar lereng-lereng bukit.

Pada awal musim bunga, Tanah Lembab Xixi tempat paling sesuai untuk para pelancong bersiar-siar dan menikmati pemandangan bunga plum. Projek fasa pertama Xixi merangkumi lapan destinasi, termasuk Kampung Nelayan Yanshui, Pondok Salji Musim Gugur, Pavilion Air Xixi, Vila Bunga Plum dan Buluh, Vila Bunga Plum Xixi, Rumah Beratap Jerami Xixi dan Pondok Bo.



📌 Hangzhou mempunyai banyak makanan istimewa, seperti Udang Masak dengan Daun Teh Longjing, bubur akar teratai Tasik Barat, pau daging dan kuah osmanthus.

📌 Bahagian timur China mempunyai banyak bangunan kuno yang dibina pada zaman Dinasti Ming dan Qing. Jika anda mahu menikmati pemandangan yang istimewa di kawasan selatan Sungai Yangtze, silalah melancong ke Hangzhou. Anda boleh menginap di bangunan kuno, bersiar-siar sambil membeli-belah di kedai-kedai terkenal yang bersejarah beratus-ratus tahun yang terdapat berselerak di bandar ini pada musim bunga.



Pemandangan Lautan Bunga Sesawi di Wuyuan, Provinsi Jiangxi

Kaunti Wuyuan, provinsi Jiangxi digelar sebagai kampung yang paling indah di China. Kita dapat menyaksikan pemandangan yang paling indah permai di Wuyuan pada pertengahan atau akhir bulan Mac setiap tahun. Pada akhir bulan Febuari, Wuyuan telah mula mempamerkan keindahannya. Pada masa itu, jika dilihat dari jauh, kebun-kebun sesawi yang bunganya belum berkembang sepenuhnya itu kelihatan begitu mempesonakan.

Pada musim bunga setiap tahun, ladang bunga sesawi dihiasi pula oleh kebun-kebun bunga pic dan bunga pir yang berwarna merah muda dan berwarna putih berlatarbelakangkan bangunan kuno

gaya Anhui yang dindingnya putih dan beratap genting yang berwarna hitam, hingga melahirkan pemandangan yang begitu menikam kalbu. Para pelancong dari bandar raya yang pernah mengunjungi Wuyuan berkata, mereka boleh menemui ketenangan jiwa di kawasan itu.

Di Wuyuan, setiap kampung mempunyai rumah penduduk tempatan, jalan kecil batu, jambatan gaya kuno yang berlatarbelakangkan gunung-gunung yang berwarna hijau dan tasik yang jernih umpama sebuah lukisan yang mempesona. Pemandangan itu seperti yang terdapat dalam lukisan tradisional China.



10 Kembara Sutera



🍲 Makanan istimewa di provinsi Jiangxi merangkumi Ayam Sanbei ('Sanbei' bermaksud tiga buah gelas), pulut goreng daging, Tauhu bahun goreng daging lembu.

🏠 Pelancong boleh tinggal di rumah kampung tempatan supaya menghayati budaya hidup tempatan yang tulen.



Keindahan “Hujan Bunga Sakura” di Wuhan, Provinsi Hubei

Pada setiap musim bunga, ramai penduduk bandar Wuhan berkunjung ke kampus Universiti Wuhan (WHU) untuk menikmati keindahan bunga sakura berkembang.

Terdapat pelbagai jenis bunga sakura di kampus WHU, termasuk prunus subhirtella, bunga Fuchsia Jepun dan cerasus subhirtella. Bunga- bunga sakura tersebut amat cantik. Bunga Prunus subhirtella berkembang ketika bunga plum mula layu, selepas itu, bunga Fuchsia Jepun dan cerasus subhirtella masing-masing berkembang. Pada musim bunga

sakura berkembang mekar, taman bunga sakura di WHU kelihatannya seolah-olah lautan bunga yang berwarna merah muda. Jika berjalan-jalan di jalan bunga sakura WHU pada waktu senja, anda boleh menikmati keindahan bunga sakura yang begitu menawan hati. Kelopak-kelopak bunga sakura terbang melayang-layang dibawa angin bertiup, menghasilkan pemandangan seperti alam impian yang begitu romantik. Tempoh bunga sakura berkembang sangat pendek, iaitu kira-kira sepuluh hari sahaja. 🌸



🏠 Jika berkunjung ke WHU, bangunan asrama pelajar WHU yang bergaya kuno dan dibina berlatarbelakangkan gunung-gunung itu merupakan tempat penginapan terbaik bagi para pelancong. WHU juga ada rumah tetamu, namun jika mahu menginap di sana, anda perlu membuat tempahan terlebih awal.



oleh: **Nelawati Ngadul**

Bertemu Panda Gergasi Yang Tidak Pandai Berkungfu

Mungkin, saya antara yang bertuah kerana dapat melihat sendiri panda yang selama ini ditatap melalui gambar pada majalah, internet dan yang paling popular, melalui filem “Kungfu Panda”. Keterujaan saya turut dirasai oleh anak-anak yang memang begitu terpengaruh dengan aksi panda dalam filem itu. Anak lelaki berpesan untuk melawat tempat panda ini berlatih kungfu dan melihat apakah panda ini pandai bermain permainan komputer. Anak perempuan pula hanya berpesan, bawalah balik seekor anak panda untuk dijadikan haiwan kesayangan.

Rombongan kami bertiga dari CRI yang disertai oleh wartawan akhbar The Star dan Bernama bertolak ke Sichuan pada pagi yang dingin 6 Disember dari Terminal 3, Lapangan Terbang Beijing. Lapangan terbang ini kelihatan lebih besar dan cantik serta moden berbanding Terminal 2, Lapangan Terbang Beijing. Penerbangan ke Chengdu mengambil masa kira-kira dua jam setengah. Kami tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Shuangliu, Chengdu kira-kira pukul 11 pagi.

Lapangan terbang ini merupakan hab antarabangsa keempat China selepas Beijing, Shanghai, and Guangzhou. Bertuahnya badan dapat menjejakkan kaki ke Chengdu yang menjadi idaman sejak hampir dua tahun lalu. Kami berlima dibawa ke hotel penginapan, Hotel Min Shan menggunakan kenderaan sewa.

Chengdu, ibu kota provinsi Sichuan, sebuah bandar besar dan moden namun lalu lintasnya kelihatan tidak begitu sibuk. Selesai mendaftar masuk hotel, saya dan Rafidah berehat sebentar sebelum kami keluar untuk makan tengah hari. Cuaca yang dingin memang cepat membuat perut lapar walaupun dalam penerbangan, rasanya licin juadah yang dihidangkan.

Fidah menjadi ketua rombongan untuk mencari restoran yang menghidangkan



makanan halal. Sepanjang perjalanan ke restoran, sakit juga tengkuk sebab asyik mendongak melihat bangunan-bangunan tinggi pusat beli-belah moden yang menjual jenama antarabangsa. Sekadar mencuci mata dari luar kerana kami ada destinasi yang lebih penting untuk dikunjungi.

Selesai menikmati juadah enak sehingga licin, kami berjalan lagi. Lenguh juga kaki menelusuri kota Chengdu ini. Selepas bertanya arah kami meneruskan langkah ke Jalan Purba Jinli atau “Jalan Purba Baharu” iaitu lorong pejalan kaki yang merupakan sebahagian kota lama Chengdu. Jalan Jinli menampilkan kedai-kedai kecil menjual kudapan tempatan dengan harga berpatutan, kedai teh, kedai cenderamata, dan rumah-rumah penginapan bergaya lama. Seni bina bangunan di jalan ini memang menampilkan gaya Sichuan purba. Barangan antik turut dijual di beberapa kedai. Ada juga pemilik rumah lama yang menjual perkakasan rumah termasuk daun pintu. Jalan yang amat terkenal dalam kalangan pelancong dan orang tempatan ini juga mempunyai bar, restoran dan kelab malam. Suasana di sini pasti semakin meriah pada waktu malam. Jangan lepaskan peluang mengunjungi Jalan Jinli jika anda berada di Chengdu kerana suasanaanya membuatkan anda seolah-olah berada pada zaman silam.



Penulis (tiga dari kanan) bersama rombongan media di Pusat Penyelidikan dan Pembiakan Panda Bifengxia

Ya'an – Kami Datang



Tugas utama ke Chengdu pastilah melawat Pusat Penyelidikan dan Pembiakan Panda Bifengxia di Ya'an. Kembara kami bermula pada pukul 9 pagi. Kami meninggalkan bandar Chengdu yang diliputi kabus tipis kerana musim dingin. Daun-daun yang berwarna hijau bercampur keemasan mengiringi perjalanan ke Ya'an. Jalan raya ke Ya'an lurus dan rata namun perjalanan hampir tiga jam itu agak melelahkan juga.


Kami tiba di Pusat Penyelidikan dan Pembiakan Panda Bifengxia kira-kira pukul 12 tengah hari. Ketibaan kami dialu-alukan oleh pegawai pusat itu, yang juga merupakan Ketua Veterinar. Bertuah badan kerana sejurus tiba kami dijamu dengan makanan tengah hari juadah tempatan Sichuan. Rakan serombongan makan dengan penuh selera. Saya makan bekalan roti yang dibawa dari hotel. Malam sebelumnya saya sempat membeli roti dan ban untuk makan tengah hari kerana sudah diberitahu tidak terdapat makanan halal di pusat itu. Tubuh kembali segar selepas minum teh panas yang menjadi kelaziman masyarakat Cina.

Bifengxia atau Lembah Puncak Hijau merupakan pangkalan panda gergasi yang ditubuhkan pada akhir tahun 2003. Pusat ini terletak 18 kilometer dari Ya'an dan 150 kilometer dari bandar Chengdu. Tempat ini menadi syurga panda gergasi, khazanah negara China yang berperanan sebagai pusat perlindungan dan pembiakan panda. Di pusat ini terdapat lebih 100 ekor panda termasuk 30 ekor panda yang dipindahkan dari Pusat Perlindungan dan Penyelidikan Panda Wolong yang musnah dalam kejadian gempa bumi pada tahun 2008.

Hati semakin teruja bertemu si comel hitam putih itu. Kali pertama melihat seekor panda dari jauh rasanya begitu gembira. Kami seolah-olah kanak-kanak yang mendapat permainan baharu. Kami dibawa ke kandang yang menempatkan dua ekor bakal duta kecil China ke Malaysia, Fu Wa dan Feng Yi.

Macam tidak percaya saya bertemu dengan Fu Wa, si panda jantan berusia enam tahun. Mungkin, saya dan dua orang rakan dari akhbar The Star dan Bernama itu antara rakyat Malaysia yang terawal melihat sendiri panda yang bakal dihantar ke Malaysia melalui Program Peminjaman Panda. Fu Wa yang mungkin sudah biasa menjadi tumpuan tidak menghiraukan kami yang asyik melihatnya makan. Malah Fu Wa seolah-olah membuat pertunjukan dengan menggigit batang buluh hingga patah dua. Agaknya dia ingin menunjukkan betapa gagahnya dia, seperti aksi panda dalam filem "Kungfu Panda".

Di kandang sebelah, Feng Yi, si panda betina yang kata penjaganya bengis berbanding Fu Wa. Feng Yi yang juga berusia enam tahun bakal menjadi pasangan Fu Wa di Malaysia. Namun,



kebengisan itu tidak kelihatan apabila disuap makanan dan dibelai penjaga. Oh ya, jangan tertipu dengan warna panda yang anda lihat melalui gambar atau patung panda. Warna panda bukanlah hitam dan putih bersih tetapi hitam dan coklat muda.

Kami diberitahu, seekor panda makan 50 kilogram buluh sehari selain makanan lain seperti buah-buahan dan sejenis kuih kukus yang diperbuat daripada tepung. Buluh yang menjadi makanan utama panda ini memang berbeza dengan buluh yang terdapat di Malaysia. Buluhnya kecil dan tumbuh sebatang-sebatang bukan serumpun seperti buluh yang biasa kita lihat.

Kerajaan Malaysia menerima kecaman sesetengah pihak kerana dikatakan membelanjakan jutaan ringgit untuk program yang tidak berfaedah dan merugikan wang negara. Program ini bukanlah berkonsepkan untung-rugi dari aspek material. Program yang sudah dijalankan sejak tahun 1984 ini merupakan kerjasama antarabangsa untuk melindungi haiwan yang hampir pupus ini. Kini, terdapat hanya 1,600 ekor panda gergasi di dunia dan tidak mustahil akan pupus jika tiada usaha perlindungan

dan pembiakan yang sistematik dilakukan. Yuran peminjam sebanyak USD1 juta setahun bagi seekor panda sebenarnya untuk membiayai operasi pusat perlindungan panda.

Apabila melihat sendiri keadaan pusat tersebut, kami sedar betapa biaya operasinya amat besar. Pusat itu dilengkapi dengan kemudahan penyelidikan termasuk tadika. Tadika ini untuk membiasakan anak-anak panda dengan habitat semula jadi. Selain itu, panda-panda yang dilahirkan di zoo-zoo luar negara melalui program peminjaman juga akan ditempatkan di pusat ini. Ini termasuk panda yang tamat tempoh peminjaman, iaitu panda yang dipinjamkan kepada negara Australia dan Amerika Syarikat.

Pusat ini juga mengalu-alukan sukarelawan bagi membantu kerja-kerja menjaga panda di pusat. Walaupun tanpa sebarang ganjaran tunai, pasti pengalaman di pusat ini suatu yang amat berharga. Apa yang lebih penting, anda menjalankan tanggungjawab sebagai individu yang prihatin terhadap flora dan fauna. Sambutlah kedatangan Fu Wa dan Feng Yi, duta kecil yang menjadi simbol keamanan sejagat dengan tangan terbuka. 福





oleh: **Lin Ying**

Opera Huangmei

yang Mengusik Jiwa



Anda tidak perlu pandai menyanyi untuk jatuh cinta kepada opera Huangmei. Sama ada mendengar atau menyanyi, apabila malam melabuhkan tirai, selepas mandi, tenangkanlah hati, lalu nyalakan sebatang lilin, biarkan cahaya suram sedikit hingga hanya dapat nampak garisan kontur muka dua orang protagonis dan lengan baju panjang yang melambai-lambai.

Opera Huangmei memerlukan suasana sebegini. Membolehkan orang merenung dan mendengar, umpama mata air yang jernih masuk ke dalam hati, melewati kenangan dan hakikat masa dan ruang, menimbulkan nostalgia yang berpanjangan. Ia umpama teratai yang bergoyang ditiup angin sepoi-sepoi bahasa, dan kudup bunga plum yang sedang memekar, menyerlahkan pesona budaya kota purba dan mengusik jiwa. Tidak bising seperti opera Peking,

juga tidak seperti opera Yue dan Kunqu yang bebas sifat duniawi. Opera Huangmei tampak amat semula jadi, dan juga penuh dengan sifat-sifat duniawi, seperti dewi-dewi dalam cerita "Tian Xian Pei" (Perkahwinan Puteri Pari-Pari) dan "Niulang dan Zhinu" (Kisah Percintaan Seorang Dewi dan Niulang) yang suka akan hidup keduniaan. Walaupun dihalang oleh Bonda Ratu Barat, Hsi Wang Mu, baginda tetap memberikan peluang kepada mereka untuk bertemu. Hsi Wang Mu juga mesti tahu akan lumrah alam. Mungkin baginda juga iri hati dengan percintaan Zhinu, cuma tidak mampu buat apa-apa kerana kedudukannya sendiri.

Opera Huangmei paling sesuai untuk dipentaskan di luar, bukannya di panggung. Pasang sebuah pentas dengan beberapa keping kayu, malah tirai pun tidak diperlukan, naik pentas dan terus menyanyi, memberikan pengalaman yang sejati,



tenang dan semula jadi.

Penonton juga tidak semestinya profesional. Jika lapang, bawa kerusi ke lokasi persembahan, nikmati opera Huangmei sambil makan, atau duduk di depan TV saja, ikut menyanyi dua tiga baris apabila rasa gembira. Walau bagaimanapun letihnya, semangat anda akan terangsang mendengar nyanyian yang begitu lunak.

Opera Huangmei mengisahkan cerita yang penuh perasaan. “Silang Ziarahi Ibunya” menceritakan tentang ketaatan terhadap ibu bapa, manakala “Tian Xian Pei” berkisar tentang percintaan antara dewi dengan orang biasa. Para penonton bimbang akan nasib protagonis, kadang kala bersorak riang, kadang kala menitikkan air mata, malah kadang kala tertawa terbahak-bahak. Mereka sudah sehati benar dengan opera ini.

Opera Huangmei mempunyai melodi yang indah. Riang dan rancak, umpama budak yang nakal; lemah lembut, umpama gadis yang sedang meningkat dewasa. Lama-kelamaan baru saya mengetahui bahawa opera Huangmei adalah opera tempatan utama di provinsi Anhui, bahagian tengah China. Hampir setiap tempat mempunyai opera tempatan sendiri, misalnya opera Yangju in Yangzhou, opera Xiju di Wuxi dan opera Kunqu di Suzhou. Cuma melodi mereka berbeza.

Kononnya opera Huangmei berasal daripada lagu yang dinyanyikan semasa memetik daun teh. Inilah sebabnya opera ini digemari ramai. Melalui gabungan usaha beberapa generasi seniman, opera ini semakin matang. Para seniman juga akan mengubah suai skrip berdasarkan reaksi penonton untuk menjadikannya lebih menarik. Yan Fengying, Wu Qiong, Ma Lan dan Han Zaifen, antara seniman yang membuat sumbangan paling besar dalam perkembangan opera Huangmei moden.

Dalam proses persembahan, pelakon melakukan gerak-geri yang banyak. Seseekali tersenyum malu, sesekali terbahak-bahak, sesekali tersedu-sedan, atau menangis meraung-raung, semuanya mengikut plot cerita. Opera Huangmei mempunyai alunan melodi yang cukup indah. Ditambah pula dengan diksi yang ringkas lagi padat, serta nyanyian yang merdu, menjadikan opera ini lebih menarik.

Jika mahu menonton opera Huangmei yang paling tulen, anda boleh pergi ke Anqing, provinsi Anhui, tempat asal opera tersebut. Opera yang penuh dengan ciri-ciri kekampungan ini begitu digemari ramai, lebih-lebih lagi pada masa kini apabila kehalusan dalam jiwa kita semakin dihakis berikutan proses pembandaran. Bandar raya yang penuh dengan persaingan, mustahil ditemui ketenangan kawasan desa. Jika lapang, tontonlah opera Huangmei, pasti anda akan menikmati ketenangan jiwa.



Luoyang

Susuri Sejarahnya Nikmati Makanannya

oleh: **Xian Dazhong**

Ada ungkapan mengatakan, jika mahu mengenali China, kenali dahulu kota Luoyang. Ungkapan ini benar jika anda hendak menelusuri sejarah silam negara China, kerana tiada mana-mana kota pun yang boleh menandingi Luoyang.



Bermula dari zaman Dinasti Xia, dinasti perhambaan yang pertama di Asia, Luoyang sudah pun berfungsi sebagai ibu kota China selama 1,529 tahun, iaitu kepada 13 dinasti. Kota ini bukan sahaja diiktiraf sebagai kota yang paling awal dijadikan ibu kota, malah ibu kota paling lama dan paling banyak kerajaan. Maka, Luoyang terkenal dengan sejarah dan kebudayaan yang cemerlang bukan sahaja di negara China, malah menduduki tempat teratas di persada antarabangsa.

Luoyang mendapat nama berikutan lokasinya di sebelah utara Sungai Luoshui. Bahagian utara sesebatang sungai disebut “Yang” yang bermaksud “positif”, maka, Luoyang bererti “sebelah utara Sungai Luoshui”.

“Jika ingin tahu perincian tentang jatuh bangunnya sesebuah dinasti di China, kota Luoyanglah saksinya.” Ungkapan ini mencerminkan kepentingan Luoyang sebagai metropolis antarabangsa sejak zaman Dinasti Han Timur, iaitu kira-kira 1,800 tahun yang lalu. Berfungsi sebagai permulaan Laluan Sutera, dan hab pertukaran ekonomi dan kebudayaan antara Timur dengan

Barat, kota ini banyak tinggalan sejarah yang amat mengagumkan dunia, misalnya Groto Longmen, Kuil Baima, iaitu kuil agama Buddha yang pertama di China, Kuil Shaolin yang terkenal dengan kungfu dan lain-lain.

Luoyang juga terkenal dengan tanaman bunga peoni yang melambangkan kekayaan dan kebahagiaan. “Pesta Bunga Peoni” yang diadakan pada setiap bulan April sejak 30 tahun lalu memeriahkan suasana di bandar Luoyang.





Groto Longmen Luoyang

Muzium Seni Pahatan dan Sejarah Budaya Agama Buddha

oleh: **Zhang Wei**

Groto Longmen yang dibina pada lereng gunung di tebing Sungai Yi terletak di selatan bandar Luoyang. Groto ini antara empat "khazanah seni pahatan batu China" yang terkenal selain Groto Yungang, Groto Mogao dan Groto Dazu. Groto Longmen disenaraikan sebagai warisan dunia oleh UNESCO pada tahun 2000.

Maharaja zaman Dinasti Wei Utara yang menyatukan dan memerintah bahagian utara China dari abad ke-4 hingga abad ke-6 Masihi memainkan peranan penting dalam mengembangkan agama Buddha di China, khususnya selepas ibu kotanya dipindahkan dari Pingcheng ke Luoyang pada tahun 493 Masihi.

Pembinaan Groto Longmen yang bermula pada tahun 471 Masihi selesai selepas lebih 400 tahun. Kawasan groto ini panjangnya satu kilometer. Terdapat lebih 1300 buah groto, 2345 buah ceruk untuk meletakkan arca Buddha, lebih 50 pagoda dan kira-kira 100 ribu buah arca Buddha pahatan batu.


Groto Tengah Binyang menggambarkan seni pahatan groto abad ke-4 yang terbaik dan mengambil 24 tahun untuk disiapkan. Dalam groto itu terdapat 11 arca Buddha. Arca Buddha Sakyamuni dengan air muka yang mesra dan dua singa ukiran batu di hadapannya sangat menarik.

Kuil Fengxian merupakan groto pahatan batu yang paling besar di Groto Longmen dan memperlihatkan gaya seni pahatan batu pada zaman Dinasti Tang, iaitu dari tahun 618 hingga tahun 904. Arca Buddha Locana dalam groto itu tingginya 17 meter. Jika kita mendongak ke arah muka arca ini, seolah-olah Buddha itu sedang

melihat kita.

Groto pahatan batu Guyang merupakan groto yang paling awal dipahat di Groto Longmen. Dalam groto ini terdapat banyak ceruk dan arca Buddha. Pada ceruk tersebut terdapat banyak ukiran perkataan yang merupakan catatan nama pemahat serta tarikh dan sebab arca itu dipahat. Ini merupakan bahan yang amat berharga bagi pengkaji seni kaligrafi dan ukiran zaman purba China.

Groto Longmen merupakan muzium seni ukiran batu terbesar, yang mengandungi sejumlah besar artifak dan bahan sejarah dalam bidang agama, seni lukis, kaligrafi, muzik, pakaian, hiasan, perubatan, seni bina, hubungan antara China dan luar negara dan lain-lain. 



Juadah Istimewa Luoyang

"Jamuan Air" (shui xi), yang dianggap seni hidangan klasik di Luoyang patut dicuba. Jamuan Air, yang dahulu hanya untuk golongan atasan, namun kini popular dalam kalangan rakyat. Jamuan Air mendapat namanya berdasarkan cara menghidang juadah seperti aliran air iaitu juadah yang melibatkan lauk-pauk dan sup dihidangkan satu demi satu. Jamuan Air yang mula terkenal pada zaman Dinasti Tang, iaitu kira-kira 1,400 tahun yang lalu, digunakan untuk melayani keluarga raja, pegawai kerajaan dan utusan

asing yang dilihat sebagai golongan bangsawan ketika itu.

Cara menghidang juadah dilakukan mengikut susunan yang teliti, iaitu didahului dengan lapan juadah pembuka selera, diikuti empat juadah utama, kemudian lapan juadah sampingan, dan akhirnya empat juadah penamat, yang jumlah keseluruhannya 24 juadah. Masakan yang paling terkenal dalam Jamuan Air ialah "Mu Dan Yan Cai" yang bermaksud "Sayur bak bunga peoni, rasanya bak sarang burung layang-layang".



Asal Usul Tauhu

Tauhu ialah sejenis makanan tradisional yang dibuat daripada kacang soya dan mempunyai sejarah lebih dua ribu tahun. Pada kira-kira 500 tahun yang lampau, ahli perubatan tersohor pada zaman Dinasti Ming, iaitu Li Shizhen, dalam karyanya mengenai ilmu perubatan mencatatkan bahawa “tauhu dicipta oleh Raja Liu An”. Kononnya pada tahun 164 sebelum Masihi, Raja Liu An mengumpulkan banyak ahli perubatan dan mengarahkan mereka untuk membuat ubat yang dapat memanjangkan hayat baginda. Antara ahli-ahli perubatan ini, terdapat lapan orang yang sering berkumpul bersama-sama, membincangkan ilmu perubatan dan membuat ubat. Dalam proses cubaan membuat ubat untuk raja Liu An, mereka telah mencipta tauhu secara kebetulan. Sejak itulah, cara membuat tauhu disebar dalam kalangan rakyat, dan raja Liu An dianggap sebagai pencipta makanan yang sedap ini.

Dalam sejarah lebih dua ribu tahun sejak tauhu dicipta, rakyat China telah menghasilkan banyak karya mengenai cara memasak, makan dan menggambarkan makanan ini. Selain itu, terdapat juga banyak cerita tentang masakan tauhu.

Antara semua masakan tauhu, “Mapo Tauhu”, iaitu sejenis masakan Sichuan, dianggap sebagai masakan tauhu yang paling terkenal. Masakan ini berasal dari sebuah restoran yang kecil di utara Chengdu, provinsi Sichuan. Kononnya pada beberapa ratus tahun yang lalu, pemilik restoran keluarga Chen itu, dan isterinya ada banyak bintik pada mukanya. “Ma” bermaksud bintik. Maka orang ramai memanggil isteri Chen itu “Chen Ma Po”, yang bermaksud isteri Chen yang mempunyai banyak bintik. Si isteri sangat pandai memasak tauhu. Maka masakan yang sedap ini dinamakan Mapo Tauhu, iaitu mengambil nama tukang masak tersebut.

Resipi Mapo Tauhu

- 1 Panaskan periuk dan panaskan minyak masak. Masukkan bawang putih. Tumis daging lembu yang dihiris kecil.
- 2 Apabila daging lembu separuh masak, tambah tauco, sos cili dan kicap, gaul sehingga bahan mengeluarkan bau harum.
- 3 Tambah tauhu, gaul rata dan tambah secawan air panas.
- 4 Biarkan tiga hingga lima minit, kemudian tambah tepung kanji dan gaul rata.
- 5 Tambah garam, serbuk lada putih, dan serbuk perasa secukup rasa, serta daun saderi sebelum diangkat dan dihidangkan.





oleh: Zhang Xian

Masjid Besar Xi'an

Agama Islam disebarkan ke Xi'an pada tahun 651 Masihi, iaitu pada zaman Dinasti Tang. Masjid Besar Xi'an juga dikenali sebagai Masjid Huajuexiang kerana masjid ini terletak di Lorong Huajue, barat laut Gulou (Gerbang Gendang), iaitu salah satu mercu tanda bandar Xi'an.

Masjid Besar Xi'an dan Masjid Daxuexixiang merupakan dua buah masjid yang tertua di Xi'an. Oleh sebab Masjid Besar Xi'an terletak di sebelah timur Masjid Daxuexixiang, jadi ia juga selalu dipanggil masjid timur oleh penduduk tempatan.

Menurut catatan sejarah, Masjid Besar Xi'an dibina pada zaman Dinasti Tang, iaitu pada tahun 742 Masihi. Sejak dibina, masjid tersebut pernah beberapa kali diubah suai dan diperbaiki pada zaman Dinasti Song, Yuan, Ming dan Qing. Jadi, terdapat banyak artifak daripada pelbagai zaman dinasti di masjid tersebut.

Masjid yang memperlihatkan gabungan seni bina Islam dan seni bina tradisional China ini, merupakan masjid yang paling unik dan tipikal serta dipelihara paling baik di China. Dewan sembahyang terletak di bahagian paling barat masjid tersebut. Luas masjid mencapai 12,000 meter persegi. Apabila pintu masjid dibuka, kita akan melihat sebuah gerbang kayu yang tingginya sembilan meter. Artifak seperti ukiran batu dan batu bersurat dipamerkan di dalam dua buah bilik panjang yang masing-masing terletak di kedua-dua belah utara dan selatan jalan tengah.

Dua artifak yang disimpan di masjid ini merupakan warisan paling berharga, iaitu sebuah salinan tulisan tangan Al-Quran dan sebuah lukisan yang menggambarkan keadaan di Mekah.

Walaupun Masjid Besar Xi'an terletak di kawasan pusat bandar yang sibuk sekali, banyak kedai makan dan kedai di sekitar masjid, tetapi sewaktu kita menjejakkan kaki ke dalam masjid, semua keriuhan hilang kerana dihalang oleh tembok masjid. Suasana dalam masjid yang sunyi menjadikan hati kita turut tenang. Ibu pejabat Persatuan Agama Islam Xi'an terletak dalam masjid tersebut.

Imam besar masjid tersebut ialah Haji Ma Liangji, yang berasal dari kaunti Ankang, provinsi Shaanxi, dan dilahirkan pada tahun 1931. Beliau belajar bahasa Arab dan agama Islam daripada ayahnya, Imam besar Masjid Nancheng, Xi'an sejak kecil lagi. Imam Ma Liangji merupakan tokoh Islam yang terkemuka di Xi'an bahkan di seluruh negara. Selain menguruskan hal-ehwal masjid, beliau juga menjawab beberapa jawatan lain termasuk Pengerusi Persatuan Agama Islam Xi'an.



wǒ xiǎng qù xī ān qīng zhēn dà sì , xiè xiè.

我想去西安清真大寺，谢谢。

(Saya nak ke Masjid Besar Xi'an, terima kasih.)

dì zhǐ: xī ān shì huà jué xiàng 30 hào.

地址：西安市化觉巷 30 号。

(Add. No.30 Lorong Huajue, Bandar Xi'an.)



Sungai Huangpu


Ibunda yang Mempesona

oleh: **Zhang Zhe**



Jika Sungai Kuning digelar sebagai sungai ibunda bangsa China, Sungai Huangpu boleh dikatakan sungai ibunda kepada bandar raya Shanghai, dan turut menyaksikan perkembangan bandar itu. Jambatan Nanpu sepanjang 8,346 meter, antara jambatan pertama yang dibina bagi menghubungkan kedua-dua tebing Sungai Huangpu. Kemudian sebuah lagi jambatan yang dinamai Jambatan Yangpu, iaitu antara jambatan kabel-penahan yang paling panjang di dunia dibina merentangi sungai ini. Kedua-dua jambatan ini umpama dua ekor naga yang merentasi sungai tersebut.





Muara Wusongkou, tempat pertemuan aliran Sungai Huangpu dengan Sungai Yangtze sebelum mengalir masuk ke Laut Timur. Satu pemandangan yang amat unik lagi mengagumkan boleh disaksikan di muara tersebut apabila air laut pasang mengalir ke muara itu. Pada waktu itu, air di muara itu menunjukkan tiga warna yang berbeza, iaitu warna kelabu kebiruan air Sungai Huangpu, warna kekuning-kuningan air Sungai Yangtze dan warna hijau air laut. Musim bunga dan musim luruh antara masa yang paling sesuai untuk melancong ke Sungai Huangpu. Walau bagaimanapun, sungai ini tidak pernah sunyi daripada kunjungan para pelancong yang datang untuk makan angin pada musim panas.

Menara TV yang dikenali dengan nama popularnya “Mutihara Timur” berdiri tegak di tebing Sungai Huangpu. Menara TV setinggi 468 meter itu merupakan mercu tanda bandar raya Shanghai.


Jika bersiar-siar di tebing Sungai Huangpu, anda seolah-olah berada di sebuah muzium arkitektur yang mempamerkan seni bina dari pelbagai negara di dunia. Bangunan-bangunan yang bergaya Britain dan Perancis, serta seni bina Gothic dan Baroque turut menyerikan jalan di tebing sungai, dan menjadi daya tarikan kepada para pelancong. Mungkin ada yang bertanya kenapa terdapat begitu banyak bangunan bergaya asing di situ? Jawapannya ada pada sejarah

penghujung zaman Dinasti Qing.

Pada tahun 1845, pemerintah Qing menawarkan satu kawasan seluas 55 hektar di tebing Sungai Huangpu untuk disewakan kepada penjajah Britain. Selepas itu, beberapa bangunan mulai dibina di kawasan itu, termasuk konsulat Britain dan pejabat bagi pelbagai institusi perbankan. Menurut statistik, belasan bank dari pelbagai negara pernah mengadakan urusan niaga mereka di tebing Sungai Huangpu dari 1854 hingga 1941. Oleh itulah, jalan ini juga dikenali sebagai Wall Street Timur pada masa tersebut.

Bilakah masa yang sesuai untuk menyaksikan pemandangan yang paling indah di tebing Sungai Huangpu? Jawapannya pasti adalah pada waktu senja apabila lampu-lampu mula dinyalakan. Kemakmuran bandar raya Shanghai boleh dihayati sepenuhnya berdasarkan lampu terang-benderang di tebing Sungai Huangpu.

Di tebing Sungai Huangpu juga terdapat satu tempat yang betul-betul romantik, iaitu “Tembok Kekasih”. Tembok yang asalnya sebuah tambak pencegah air bah itu mula menjadi tempat pemuda-pemudi memadu kasih sejak tahun 1970-an. 



An Hui Hong Cun

安徽
宏村

Laman sesawang: <http://malay.cri.cn>

E-mel: mal@cri.com.cn

Facebook: www.facebook.com/crimalay